

Isu ketidakpadanan pekerjaan ditangani

KUALA LUMPUR: Kementerian Sumber Manusia melalui pelbagai agensi berkaitan sedang mempergiat usaha menyelesaikan isu ketidakpadanan pekerjaan berbanding latar belakang calon.

Ini kerana, wujud dakwaan masih ramai lepasan ijazah terpaksa memohon kerja perkeranian berikutan tiada peluang pekerjaan bersesuaian dengan kelayakan mereka.

Menterinya, Datuk Seri M Saravanan, yang mengakui masalah itu turut menyifatkannya sebagai kritikal, khususnya membabitkan golongan keluarga yang terdiri daripada generasi pertama graduan.

Ini kerana, katanya, ramai golongan keluarga generasi pertama graduan itu dikatakan memilih bidang pengajian yang menawarkan kurang peluang pekerjaan.

"Antara usaha dilakukan kementerian ketika ini adalah untuk melahirkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa, khususnya dalam kalangan generasi pertama graduan supaya memilih bidang (pengajian) yang ada peluang (pekerjaan).

"Kementerian melalui PERKESO dan Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) sedang mempergiat program 'reskilling' (pemahiran semula) dan 'upskilling' (peningkatan kemahiran) bagi menyediakan kumpulan berkenaan untuk peluang pekerjaan sedia ada," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Che Abdullah Mat Nawi (PAS-Tumpat) mengenai kaedah penyelesaian isu ketidakpadanan pekerjaan dalam kalangan lepasan graduan.

Sementara itu, Saravanan ketika menjawab soalan tambahan Datuk Dr Sharuddin Md Salleh (PEJUANG-Sri Gading), berkata golongan belia dilihat tidak berminat untuk bekerja dalam sektor perladangan, walaupun skim gaji ditawarkan adalah lebih baik berbanding sebelum ini.

Ini berikutan, hampir 600,000 belia direkodkan menganggur sehingga 2021, masing-masing dianggarkan 200,000 golongan siswazah dan kira-kira 400,000 dalam kalangan belia berusia 15 hingga 24 tahun.

"Kita lihat sektor perladangan adalah antara yang memiliki peluang pekerjaan luas walaupun sebelum ini ada permintaan daripada majikan untuk mengambil buruh asing.

"Namun, kementerian memberikan peluang kepada pekerja tempatan hampir setahun dan setakat ini kita tak lihat minat daripada golongan belia, walaupun kadar pendapatan adalah lebih baik berbanding sebelum ini.

"Kementerian juga sedang mengkaji bagaimana kita akan menggunakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) untuk memberi latihan kemahiran kepada yang mahu terbabit dalam bidang ini," katanya.

Beliau ketika menjawab soalan asal berkata, kadar pengangguran direkodkan Statistik Tenaga Buruh oleh **Jabatan Perangkaan**, menurun kepada 3.9 peratus pada Mei lalu, berbanding 4.9 peratus pada Januari 2021.

Namun, katanya, kadar itu belum kembali ke tahap sebelum penularan pandemik COVID-19 iaitu 3.2 peratus dan kerajaan sedang mempergiat usaha dengan menganjurkan pelbagai program bagi mengatasi masalah itu.

Antaranya ialah, Program JaminKerja-Insentif Penggajian, iaitu insentif kewangan diberikan kepada majikan membuat pengambilan baharu dalam kalangan perantis, graduan, golongan mudah terjejas termasuk OKU, bekas tentera, bekas banduan, warga emas serta penganggur am, mulai 1 Januari lalu.

"Seramai 120,237 pencari kerja berjaya ditempatkan melalui pelbagai aktiviti dilaksana kementerian melalui PERKESO, sehingga 29 Julai lalu.

"JaminKerja-Insentif Penggajian meneruskan program ini dengan pemberian insentif RM900 sebulan selama enam bulan kepada majikan menggajikan golongan perantis lepasan sekolah dan graduan berumur 18 hingga 30 tahun dalam jawatan eksekutif.

"Golongan perantis ini perlu ditawarkan kontrak enam bulan dengan bayaran gaji pemula bernilai RM1,500. Berdasarkan statistik, seramai 5,932 orang menerima manfaat Program Perantisan JaminKerja-Insentif Penggajian, setakat 29 Julai lalu," katanya.

Beliau berkata, kerajaan turut memperluas program Sistem Insuran Pekerjaan-Elaun Mencari Pekerjaan Plus kepada golongan bukan pencarum bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan baharu yang memanfaatkan seramai 1,487 orang bagi tempoh sama.

Selain itu, katanya, kerajaan memperluas Sistem Insuran Pekerjaan-Elaun Mencari Pekerjaan Plus kepada pencarum tidak layak mendapat Elaun Mencari Pekerjaan SIP yang memanfaatkan 19,234 orang, sehingga 29 Julai lalu.

"Placement Centre ditubuhkan, berperanan sebagai platform memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan tersedia oleh majikan dengan 43,903 peluang pekerjaan tersedia melalui platform ini, sehingga 31 Julai lalu.

"Lebih 6,000 pekerja mendapat pekerjaan dalam pelbagai sektor seperti perkhidmatan, perkilangan, borong dan runcit dengan 60 peratus atau 3,600 pekerja daripada jumlah itu adalah golongan belia dan sebahagian besar mereka memperoleh gaji RM2,000 ke atas," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, kerajaan juga melancarkan Inisiatif PENJANA HRDF dengan memperkenalkan lima skim terdiri daripada 'Place & Train', 'B40 Development', 'SME Development', IR 4.0 dan Gerak Insan Gemilang yang memanfaatkan 85,527 pelatih setakat 31 Julai lalu.

Skim itu diwujudkan bagi membantu rakyat, termasuk golongan belia dan graduan mendapatkan pekerjaan, pekerjaan sendiri serta menambah dan meningkatkan kemahiran mereka.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/983851/isu-ketidakpadanan-pekerjaan-ditangani>